



KAJIAN PENGARUH DADAH DALAM KALANGAN PELAJAR BARU INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI¹

Dr Kamarudin Hussin²

Abd Majid Mohd Isa³

Abdull Halim Abdul⁴

Huzili Hussin⁴

Mohd Amran Hasan⁵

ABSTRAK

Jawatankuasa Membanteras Gejala Dadah Kebangsaan telah memutuskan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi perlu memantau penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Satu kajian telah dijalankan di 16 buah IPTA dan dua buah IPTS. Seramai 3,558 pelajar tahun satu dipilih secara rawak daripada institusi tersebut telah menjalani ujian air kencing antara 4-10 Ogos 2005. Di samping itu, satu soal selidik ringkas telah dijalankan untuk mengetahui latar belakang, pengetahuan kesan, pengalaman dengan dadah dan melaporkan sama ada responden mengenali rakan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Dapatan kajian mendapati bahawa dua dalam seribu (0.02%) pelajar IPT positif ujian air kencing. Profil responden yang didapati positif ujian air kencing pula ialah mereka yang dibesarkan dalam keluarga sederhana dan dari negeri yang mempunyai kes penyalahgunaan dadah. Untuk keseluruhan pelajar IPT, pengetahuan tentang kesan dadah adalah kurang. Berdasarkan kepada kenyataan mereka sama ada pernah menyentuh dadah dan tahu ada rakan yang terlibat dengan dadah, risiko pelajar melibatkan diri dalam penyalahgunaan terutama ekstasi, syabu dan pil kuda adalah membimbangkan.

¹ Kajian diselenggarakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk dibentangkan kepada Majlis Tindakan Membanteras Dadah Peringkat Kebangsaan (MTMD) 2005.

² Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis.

³ TNC HEPA, Universiti Malaysia Terengganu.

⁴ Pensyarah Universiti Malaysia Perlis.

⁵ Ketua Penolong Setiausaha, Kementerian Pengajian Tinggi.

**ABSTRACT**

The National Anti-drugs Council has called upon the Ministry of Higher Education to study the misuse of drugs among students of higher learning institutions. A study was then conducted at 16 public higher learning institutions as well as two private higher learning institutions. A total number of 3,558 first-year students were randomly picked from these institutions to undergo a urine test between 4th – 10th August 2005. A questionnaire was also administered to ascertain the respondents' social background, knowledge on the ill-effects of drugs, past experiences with drugs as well as determining whether the respondents knew of friends who were misusing drugs. The study revealed that that two out of a thousand (0.02%) students tested positive for drugs. Those who tested positive showed a similarity in their background profiles whereby they were mostly from middle-class families who were residing in states that had cases of misuse of drugs. Generally, it was deduced that the knowledge regarding the effects of drugs was relatively low among the students of higher learning institutions. Based on the respondents' admission to having tried drugs and knowing friends who were involved with drugs, it can be construed that the risk of students misusing drugs especially amphetamine-type-stimulants like ecstasy, syabu and "yoba" is rather alarming.

PENDAHULUAN

Mesyuarat Majlis Tindakan Membanteras Dadah (MTMD) Peringkat Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 12 Julai 2005 telah memutuskan bahawa ujian urin atau air kencing hendaklah dilaksanakan ke atas pelajar IPT sebagai satu elemen pencegahan penggunaan dadah dalam kalangan kumpulan ini. Mesyuarat turut membuat keputusan agar program-program kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah perlu diadakan di IPT.

Berikutan dengan keputusan ini, satu Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti/Program Pencegahan Dadah di peringkat IPT yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi telah diadakan pada 26 Julai 2005. Mesyuarat telah memutuskan tiga perkara. Pertama, ujian urin diadakan kepada semua pelajar IPTA dan tiga buah IPTS iaitu UTP, UNITEN dan MMU. Tumpuan awal ujian adalah terhadap pelajar-pelajar baru sebelum diperluas kepada pelajar-



pelajar lain. Kedua, program kesedaran tentang bahaya dadah perlu dimasukkan dalam program orientasi pelajar. Ketiga, supaya dijalankan Kajian Pengaruh Dadah dalam kalangan pelajar tahun pertama.

Berdasarkan kepada maklumat ini, maka satu kajian telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik untuk meneroka penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar tahun pertama.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

- a. Mengenal pasti bilangan pelajar tahun pertama di IPTA/S yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah
- b. Membina profil pelajar yang menyalahgunakan dadah
- c. Meninjau pengetahuan kesan, pengalaman dan rakan yang terlibat dengan penggunaan dadah
- d. Mengenal pasti pelajar yang berisiko tinggi melalui pengetahuan kesan, pengalaman dan rakan mereka yang terlibat dengan dadah

METODOLOGI

Pendekatan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian penerokaan dan ianya menggunakan pendekatan deskriptif. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mencari pola penggunaan dadah dalam kalangan pelajar tahun pertama di institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/S). Berdasarkan dapatan yang diperoleh, diharapkan kajian lanjut yang lebih sistematik dan terperinci dapat dilakukan.

Sampel dan Pemilihan Responden Kajian

Sebagai satu kajian penerokaan, statistik yang diperoleh dijangka dapat meramalkan parameter populasi. Dianggarkan seramai 280,000 pelajar sedang mengikuti pengajian dalam 17 buah IPTA dan tiga buah IPTS yang ada kaitan dengan kerajaan, maka satu anggaran sampel kajian perlu dibuat untuk menentukan bilangan sampel yang minimum.

Berdasarkan teori taburan statistik, formula berikut boleh digunakan untuk menganggarkan bilangan sampel yang diperlukan.



$$n = \frac{z^2 pq}{E^2}$$

Dengan nilai $z=1.96$ pada aras signifikan $p=0.05$, dengan andaian tidak melebihi 2% populasi terlibat dengan dadah dan ralat anggaran 2%, maka n yang dianggarkan ialah 189. Untuk mengurangkan ralat anggaran, seramai 200 pelajar setiap IPTA/S dipilih secara rawak sebagai responden kajian.

Pemilihan Responden

Teknik pemilihan rawak berkumpulan digunakan untuk memilih 200 responden bagi setiap IPTA/S. Pegawai Perubatan yang ditugaskan oleh IPTA/S dengan kerjasama pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) diminta supaya memilih kelompok pelajar sama ada mengikut program pengajian, tempat penginapan ataupun kumpulan kuliah secara rawak. Setelah sampel air kencing diambil, responden diminta mengisi soal selidik. Jika ujian air kencing adalah positif, sampel hendaklah dihantar untuk ujian lanjut oleh pegawai AADK.

Ujian Air Kencing

Satu alat *screening test* telah digunakan untuk menguji sama ada pelajar tersebut positif atau tidak terhadap najis dadah. Alat ini dikenali sebagai *DOA Tests (Drugs Of Abuse in Urine)* di mana boleh mengesan empat jenis dadah sekaligus iaitu Amphetamine (AMP); Methamphetamine (MET) seperti syabu dan ekstasi; Tetrahydrocannabinol (THC) iaitu ganja/marijuan; Opiate (OPI) iaitu morfin serta heroin.

Berpandukan kepada Jadual 1 di bawah, ketepatan alat ujian yang digunakan ialah 99.7%. Manakala *cut-off points* yang digunakan adalah berdasarkan piawai yang telah ditetapkan oleh *NIDA (National Institute of Drug Abuse)*. Petunjuk nilai *cut off points* bagi empat jenis dadah adalah 1000 ng/ml bagi Amphetamine (AMP); syabu, 50 ng/ml bagi Tetrahydrocannabinol (THC); Ganja/Marijuana, 300 ng/ml Opiate (OPI); Morfin, Heroin dan 1000 ng/ml bagi Methamphetamine (MET) seperti ekstasi.

Tempoh penahanan (*retention period*) bagi 3 jenis dadah iaitu Amphetamine (AMP); syabu, Opiate (OPI); Morfin, Heroin dan Methamphetamine (MET); Ecstasy adalah selama 2 hingga 4 hari dan 1 - 30 hari bagi dadah jenis Tetrahydrocannabinol (THC); Ganja/Marijuana.

**Jadual 1 : Spesifikasi Ujian DOA (Drugs Of Abuse in Urine)**

Jenis Dadah Yang Dikesan	Cut off Points (NIDA)*	Tempoh Penahanan	Kemungkinan Positif	Ketepatan Ujian
AMP	1000 ng/ml	2 - 4 hari	Hari 1 & Hari 4	99.7%
THC	50 ng/ml	1 - 30 hari	(± 50%)	
OPI	300 ng/ml	2 - 4 hari	Hari 2 & Hari 3	
MET	1000ng/ml	2 - 4 hari	(± 100%)	

Soal Selidik

Satu soal selidik ringkas dirangka oleh pasukan penyelidik (Lampiran). Ia mengandungi empat bahagian iaitu biodata, pengetahuan atau pengalaman berkenaan dadah, faktor pendorong penyalahgunaan dadah dan keputusan ujian air kencing. Soal selidik kajian ini adalah seperti lampiran.

Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan pakej SPSS versi 13.0. Peratusan dan ujian statistik yang berkaitan digunakan.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Responden Kajian

Sebanyak 16 daripada 17 IPTA dan dua daripada tiga IPTS terlibat dalam kajian ini. Bilangan responden ialah sebanyak 3,558 pelajar tahun pertama.

Daripada 3,558 responden kajian, Jadual 2 mendapati bahawa berdasarkan komposisi gender, 52.2% responden ialah lelaki dan 47.8% ialah perempuan. Majoriti responden berbangsa Melayu (74.6%). Responden yang berbangsa Cina ialah 12.1%, Bumiputera Sabah dan Sarawak 8.8%. Kebanyakan responden (58.5%) datang daripada keluarga yang berpendapatan sedarhana (RM500 - 2,000). Tiga (3) negeri asal responden yang terbanyak ialah Kelantan (12.8%), Johor (10.1%) dan Selangor (11.1%)

**Jadual 2 : Latar Belakang Responden (n = 3,558)**

Latar Belakang	Peratus
a. Jantina :	
Lelaki	52.2
Perempuan	47.8
b. Bangsa :	
Melayu	74.6
Bumiputera Sabah/Sarawak	8.8
Cina	12.1
India	3.4
Lain-lain	1.0
c. Pendapatan Keluarga :	
Kurang dari RM500	18.4
RM501 - RM1000	30.7
RM1001 - RM2000	27.8
RM 2001 - RM3000	10.4
RM3001 ke atas	12.7
d. Negeri Dibesarkan :	
Johor	10.1
Kedah	8.3
Kelantan	12.8
Melaka	3.1
Negeri Sembilan	3.9
Pahang	7.3
Penang	4.6
Perak	9.7
Perlis	1.2
Selangor	11.1
Terengganu	8.3
Sabah	7.0
Sarawak	7.0
Wilayah Persekutuan	5.6

Pelajar IPT yang Terlibat dengan Dadah

Seramai 10 daripada 3,558 didapati ujian air kencingnya positif. Berdasarkan ujian binomial, bolehlah dirumuskan bahawa daripada 1,000 pelajar tahun pertama di IPT, hanya dua orang sahaja yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah (nilai $p=0.004$). Profil 10 responden yang ujian air kencingnya positif ialah seperti dalam Jadual 3:



Pelajar lelaki yang terlibat ialah enam dan perempuan ialah empat orang. Dari segi bangsa, empat orang ialah Melayu, tiga bumiputera Sabah/Sarawak, dua India dan seorang Cina. Seramai tujuh daripada 10 (70%) yang didapati ujian air kencing positif datang daripada keluarga yang berpendapatan RM1001 - 2000.

Berdasarkan negeri asal, tiga pelajar datang dari Sarawak, masing-masing dua dari Perak dan Selangor dan masing-masing satu dari Kedah, Terengganu dan Sabah.

Jenis dadah yang didapati positif ialah tiga orang AMP (amphetamine), masing-masing dua THC (Ganja/Marijuana), MET (methamphetamine) dan kombinasi THC dengan OPI (Opium). Seorang positif untuk kombinasi AMP dengan THC.

Jadual 3 : Profil Responden yang Positif Ujian Kencing

Latar Belakang	N (10)
a. Jantina :	
Lelaki	6
Perempuan	4
b. Bangsa	
Melayu	4
Bumiputera Sabah/Sarawak	3
Cina	1
India	2
c. Pendapatan Keluarga	
RM500 - 1000	3
RM1001 - 2000	7
d. Tempat Tinggal :	
Tingkatan 4-5	
Asrama	1
Rumah Sewa	-
Ibu bapa/penjaga	8
Tingkatan 6/Matrikulasi	
Asrama	2
Rumah Sewa	-
Ibu bapa/penjaga	7
e. Negeri Asal	
Kedah	1
Perak	2
Selangor	2
Terengganu	1
Sabah	1
Sarawak	3



f. Jenis Dadah		
THC		2
AMP		3
MET		2
OPI		-
Kombinasi AMP&THC		1
Kombinasi THC&OPI		2

Pengetahuan, Pengalaman dan Rakan yang Terlibat dengan Dadah

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 4, tidak semua pelajar tahun pertama tahu akan kesan mengambil dadah kecuali pil ecstasy (70.3%), ganja (60.4%) dan heroin (53,8%). Pelajar tahun pertama kurang pengetahuan tentang kesan dadah kodein (17.4%) dan depresen (19.9%).

Responden yang pernah memegang atau menyentuh dadah dan mengetahui bahawa rakannya mereka terlibat adalah golongan yang berisiko tinggi.

Empat jenis dadah yang paling ramai pelajar tahun satu pernah pegang dan sentuh ialah pil ecstasy (2.7%), ganja (2.6%), pil kuda (yaba) (1.5%) dan syabu (1.5%). Bagi yang mengenali rakan mereka terlibat dengan pula menunjukkan bahawa dadah yang digunakan adalah empat jenis dadah yang sama.

Jadual 4 : Pengetahuan Kesan, Pengalaman dan Penglibatan Rakan dalam Dadah

JENIS DADAH	Tahu Kesan	Pernah Sentuh/ Pegang	Ada Rakan Terlibat
Pil Ecstasy	70.3%	2.7%	7.7%
Ganja	60.4%	2.6%	10.1%
Heroin	53.8%	0.9%	2.4%
Candu	48.9%	0.8%	2.6%
Pil kuda (Yaba)	43.9%	1.5%	5.1%
Syabu	40.0%	1.5%	5.4%
Morfin	38.6%	0.8%	1.2%
Depresen	19.9%	0.7%	1.2%
Kodein	17.4%	1.1%	0.9%



Pelajar Berisiko Tinggi

Walaupun bilangan pelajar IPT yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah berdasarkan keputusan air kencing ialah 0.02% (dua dalam 1000), dapatan kajian juga menunjukkan secara tidak langsung pelajar tahun pertama juga berisiko tinggi. Berdasarkan kepada maklumat dalam Jadual 5, hanya seramai 1893 (53.3%) tahu akan bahaya empat daripada sembilan jenis dadah yang biasa disalahgunakan.

Seramai 328 (6.4%) pernah menyentuh sekurang-kurangnya satu daripada sembilan jenis dadah yang biasa disalahgunakan. Juga, seramai 595 (16.8%) mengenali rakannya pernah mengambil sekurang-kurangnya satu daripada sembilan jenis dadah yang biasa disalahgunakan.

Jadual 5 : Responden Berisiko Tinggi

Bilangan Jenis Dadah yang Tahu Kesan		Bilangan Jenis Dadah yang Tahu Kesan				
		Tiada	1	2	3	4
Lelaki	Bilangan	496	117	136	132	974
	%	26.7%	6.3%	7.3%	7.1%	52.5%
Perempuan	Bilangan	346	125	138	168	919
	%	20.4%	7.4%	8.1%	9.9%	54.2%
Jumlah	Bilangan	842	242	274	300	1893
	%	23.7%	6.8%	7.7%	8.4%	53.3%
Bilangan Jenis Dadah yang Pernah Disentuh		Bilangan Jenis Dadah Pernah Disentuh				
		Tiada	1	2	3	4
Lelaki	Bilangan	1691	90	42	14	18
	%	91.2%	4.9%	2.3%	.8%	1.0%
Perempuan	Bilangan	1632	40	13	5	6
	%	96.2%	2.4%	.8%	.3%	.4%
Jumlah	Bilangan	3323	130	55	19	24
	%	93.6%	3.7%	1.5%	.5%	.7%
Rakan Terlibat Dengan Bilangan Jenis Dadah		Rakan Terlibat (Bilangan Jenis Dadah)				
		Tiada	1	2	3	4
Lelaki	Bilangan	1436	192	100	62	65
	%	77.4%	10.4%	5.4%	3.3%	3.5%
Perempuan	Bilangan	1520	91	51	14	20
	%	89.6%	5.4%	3.0%	.8%	1.2%
Jumlah	Bilangan	2956	283	151	76	85
	%	83.2%	8.0%	4.3%	2.1%	2.4%



RUMUSAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian, kesimpulan yang boleh dibuat ialah hanya 10 daripada 3,558 orang pelajar tahun pertama IPT, positif ujian air kencingnya. Oleh itu, hanya dua dalam seribu (0.02%) terlibat secara aktif dalam penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan profil pelajar yang ujian air kencingnya positif, mereka datang daripada keluarga sederhana dan negeri berisiko tinggi. Walaupun banyak kempen yang dijalankan dalam menerangkan bahaya dadah, tidak ramai pelajar yang tahu akan kesan menggunakan sembilan jenis dadah yang biasa digunakan oleh penagih dadah.

Berpandukan maklumat daripada responden tentang pernah menyentuh dadah dan mengenali rakan yang pernah mengambil dadah adalah membimbangkan dan perlu diambil tindakan.

CADANGAN

Oleh kerana ini satu kajian penerokaan dan dikendalikan terhadap pelajar tahun pertama maka dicadangkan agar kajian berterusan dan berkala kepada pelajar pelbagai peringkat dijalankan. Maklumat yang diperoleh dapat membantu dalam merancang pelan tindakan yang lebih efektif, efisien dan menjimatkan kos serta tenaga.

Ujian air kencing secara berkala hendaklah dilakukan oleh pihak berkuasa IPT. Jika boleh, kuasa untuk mewajibkan pihak berkuasa IPT menjalankan ujian ini hendaklah diberikan oleh pihak yang berkenaan.

Oleh kerana pelajar masih tidak mengetahui kesan penyalahgunaan sembilan jenis dadah yang biasa digunakan oleh penagih dadah, kempen yang berterusan hendaklah dijalankan di IPT.

Satu mekanisme perlu diwujudkan untuk mengurangkan risiko pelajar terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Polis dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu bekerjasama bagi mengurangkan pelajar IPT daripada terdedah dengan bahaya ini.



LAMPIRAN

SOAL SELIDIK KAJIAN PENGARUH DADAH DI IPT

A BIODATA (Bulatkan atau isikan ruang berkenaan)

1. Jantina 1. Lelaki 2. Perempuan
2. Bangsa 1. Melayu 2. Bumiputera Sabah/Sarawak
3. Cina 4. India 5. Lain-lain
3. Tempat tinggal semasa
 - a. Tingkatan 1 - 3
 1. Asrama 2. Rumah Sewa 3. Ibu bapa/penjaga
 - b. Tingkatan 4 - 5
 1. Asrama 2. Rumah Sewa 3. Ibu bapa/penjaga
 - c. Tingkatan 6 / Matrikulasi
 1. Asrama 2. Rumah Sewa 3. Ibu bapa/penjaga
 - d. Di Universiti
 1. Asrama 2. Rumah Sewa 3. Ibu bapa/penjaga
4. Pendapatan Bulanan Keluarga : RM _____
5. IPT :
6. Negeri dibesarkan **

*

Kod	IPTA
01	UM
02	UKM
03	USM
04	UPM
05	UTM
06	UUM
07	UIAM
08	UNIMAS
09	UMS
10	UiTM
11	UPSI
12	KUiTTHO
13	KUSTEM
14	KUIM
15	KUTKM
16	KUKTEM
17	KUKUM
18	UTP
19	MMU
20	UNITEN

**

Kod	Negeri
01	Johor
02	Kedah
03	Kelantan
04	Melaka
05	Negeri Sembilan
06	Pahang
07	Penang
08	Perak
09	Perlis
10	Selangor
11	Terengganu
12	Sabah
13	Sarawak
14	Wilayah Persekutuan.

**B. PENGETAHUAN/PENGALAMAN BERKENAAN DADAH**

1. Berdasarkan jenis dadah yang disenaraikan di bawah adakah anda tahu kesannya, pernah lihat atau pegangnya dan adakah terdapat di kalangan rakan anda yang pernah terlibat/menggunakannya? (Tandakan ✓ di ruang berkenaan).

Jenis Dadah	Pengetahuan Kesan		Pernah Sentuh/Pegang		Rakan Terlibat	
	Tahu	Tak Tahu	Ya	Tidak	Ada	Tiada
Candu						
Depresen						
Ganja						
Heroin						
Kodein						
Morfin						
Pil Ecstasy						
Pil Kuda						
Syabu						

C. FAKTOR PENDORONG

2. Banyak faktor dikatakan mendorong remaja/belia mengambil dadah. Sila nyatakan pandangan anda tentang faktor berikut. (Bulatkan nombor berkenaan)

	Sangat Penting	Penting	Tak Pasti	Tak Penting	Sangat Tak Penting
a. Perasaan ingin tahu	1	2	3	4	5
b. Pengaruh rakan	1	2	3	4	5
c. Secara tak sengaja	1	2	3	4	5
d. Masalah keluarga/ tempat tinggal	1	2	3	4	5
e. Mengatasi tekanan hidup/jiwa	1	2	3	4	5
f. Seronok-seronok	1	2	3	4	5

Kegunaan Urus Setia	
Keputusan	<input type="text"/> (1. Positif 2. Negatif)
Jenis:	<input type="text"/>